

CABARAN PENGAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN: KAJIAN TERHADAP GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SRA DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR
(Challenges In Teaching Arabic Language Among Non-Option Teachers: A Study On Islamic Education Teachers' In Islamic Primary School (SRA), District of Hulu Langat, Selangor)

*Noor Shamshinar Zakaria¹, Mohd Izzuddin Mohd Pisol¹, Haslina Hamzah¹, Julia Madzalan¹, Syed Mohd Najib Syed Yahya²

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: shamshinar@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 7 October 2016

Accepted: 17 February 2017

Revised: 25 August 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 13-19

Abstrak

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru bukan opsyen terhadap pengajaran bahasa Arab. Soal selidik digunakan sebagai instrument kajian yang telah diubahsuai daripada sorotan karya dan diedarkan kepada seramai 142 orang guru Pendidikan Islam daripada 33 buah Sekolah Rendah Agama di sekitar daerah Hulu Langat. Dapatan kajian menunjukkan cabaran dari aspek guru sendiri dalam mengajar bahasa Arab di antaranya ialah guru kurang mempunyai kosa kata bahasa Arab kukuh. Justeru, isu cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru Pendidikan Islam atau bukan opsyen ini perlu diberi perhatian serius agar mereka akan merasa lebih yakin dan bersedia dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah terhadap tugas pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci : Cabaran Pengajaran Bahasa Arab, Guru Pendidikan Islam.

Abstract

The purpose of this study is to determine the challenges of non-option teachers towards teaching of Arabic Language. Questionnaires were distributed to 142 of Islamic Education teachers from 33 Islamic Primary School (SRA) in district of Hulu Langat, Selangor. The study found that the challenges are basically from the teachers themselves, those who are lack of Arabic dictions. From the study, the issues of challenges in teaching of Arabic Language among non-option teachers should be handled seriously. This is to ensure the Islamic Education teachers are fully prepared to fulfill their duty during the Arabic Language learning process.

Keywords: Challenges in Teaching Arabic Language, Islamic Education teachers

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan proses membolehkan seseorang individu memperolehi dan menggunakan ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran-kemahiran tertentu secara berterusan. Justeru, guru pada hari ini memainkan peranan penting iaitu sebagai agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang. Mereka bertanggungjawab untuk mewujudkan pengajaran berkesan agar maklumat yang disampaikan adalah bermakna, menarik minat serta mudah untuk diingati dan diaplikasikan. Menurut Ibrahim Mamat (1998), guru dikehendaki menggunakan pengetahuan dan kaedah yang relevan untuk mencapai objektif pengajarannya. Guru tidak harus terikut-ikut lagi dengan cara dan kaedah pengajaran yang lampau yang kurang sesuai dengan zaman siber dan teknologi ini.

Sebagai seorang guru, banyak amalan perlu dilakukan agar pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi berkesan dan bermakna kepada pelajar. Suasana PdP akan menjadi hambar dan tidak bermakna kepada pelajar sekiranya mutu pengajaran guru tidak berada pada tahap yang memuaskan. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Azizah Lemai Man (1999) pula mengatakan bahawa untuk menjadi guru yang berkesan, seorang guru perlu menguasai ilmu supaya guru dapat mengajar dengan berkesan dan mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajarannya. Terdapat pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru agar pengajaran di dalam kelas menjadi berkesan dan bermakna kepada pelajar. Guru yang profesional ialah guru yang berilmu, guru yang mempunyai kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta guru yang mempunyai sahsiah yang boleh menjadi contoh dan ikutan kepada pelajarannya.

Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Isjoni (2005), yang menyatakan proses pengajaran adalah satu keterampilan, kemampuan dan sikap penyampaian bahan pengajaran oleh guru dalam menyusun perkataan yang baik dengan aturan nada suara dan intonasi yang sesuai di dalam bilik darjah. Ia membantu guru dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar dengan jelas dan berkesan. Sememangnya minat dan semangat positif dapat menarik perhatian pelajar dengan menggunakan pelbagai teknik dan kemahiran.

Pernyataan ini menjadi elemen penting dalam meningkatkan motivasi para pelajar untuk menumpukan sepenuh perhatian serta menjadi lebih terbuka dalam menerima matapelajaran yang diajar. Tahap keterlibatan para pelajar juga akan lebih meningkat seiring dengan ketrampilan guru yang jelas terlihat ketika melaksanakan pengajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di dalam bidang pendidikan terdapat dua kategori guru berdasarkan kepada kelayakan ikhtisas. Guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai “guru mengikut opsyen” manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai “guru bukan opsyen”. Walaupun terdapat guru bukan opsyen dalam bidangnya, tahap professional guru perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Ini kerana guru yang professional ialah guru yang berilmu, guru yang mempunyai kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta guru yang mempunyai sahsiah yang boleh menjadi contoh dan ikutan kepada pelajarannya. Ini dipersetujui oleh Azizah Lebai Man (1999) yang mengatakan bahawa untuk menjadi guru yang berkesan, seorang guru perlu menguasai ilmu supaya guru dapat mengajar dengan berkesan dan mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajarannya.

Perkembangan pendidikan bahasa Arab juga memerlukan kualiti pengajaran guru kerana keperluan semasa dalam sector pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi dan kehendak masyarakat. Berdasarkan kajian terkini oleh Nazri Atoh (et al., 2014), menyatakan bahawa ciri-ciri guru bahasa Arab yang berkualiti adalah opsyen pengajian mereka mestilah dalam bahasa Arab sama ada di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana atau Phd. Hal ini disebabkan guru yang memahami sesuatu perkara itu yang selayaknya menyampaikan ilmu berkenaan. Ini menunjukkan betapa pentingnya guru bahasa Arab dalam kalangan mereka yang mendapat latihan khusus dalam bahasa Arab. Manakala menurut Ali Muda (2012), ramai yang berpandangan bahawa apabila seseorang itu bergelar ustaz atau ustazah dan berkelulusan bidang agama, maka dianggap boleh mengajar bahasa Arab.

Walaupun demikian, daripada aspek pelaksanaan masih terdapat sebilangan besar guru yang mengajar bahasa Arab tidak mempunyai pengkhususan opsyen bahasa Arab. Mereka masih kurang mampu untuk mengajar bahasa Arab dengan berkesan. Robiah Sidin (2000) menjelaskan bahawa seorang guru yang melaksanakan kurikulum mestilah bersedia dengan ilmu pengetahuan yang cukup sebelum

menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Apabila tahap kesediaan seseorang guru mengajar adalah kurang, ini boleh menimbulkan beberapa masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai. Anisah (2005) dalam kajian beliau menyatakan seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang cukup sebelum mengajar. Persediaan ini penting bagi membantu guru membina keyakinan diri ketika melaksanakan proses Pdp. Selain itu, Ee Ah Meng (2005) berpandangan beberapa masalah mungkin timbul apabila seorang guru baru yang kurang pengalaman dan guru terdiri dari kalangan yang bukan opsyen. Mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat mengenai kaedah pengajaran yang sebenar.

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan oleh Noor Shamshinar, Mohd Izzuddin et.al, (2015) terhadap cabaran pengajaran bahasa Arab oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama (SRA) di daerah Hulu Langat mendapati kebanyakan guru bahasa Arab tidak mempunyai iktisas dalam bahasa Arab. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang pendidikan Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti cabaran yang terpaksa diterima oleh guru bukan opsyen dalam kalangan guru Pendidikan Islam di dalam pelaksanaan Pdp bahasa Arab di SRA di Daerah Hulu Langat.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab.

4.0 SOALAN KAJIAN

Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab?

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini adalah untuk :

- a) Memberi peluang kepada guru-guru Pendidikan Islam untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dan pendekatan terbaik dalam menangani masalah tersebut.
- b) Memberi idea kepada pihak sekolah untuk membantu guru-guru Pendidikan Islam untuk mengajar bahasa Arab dengan lebih berkesan.
- c) Memberi maklumat kepada JAIS bagi menyediakan latihan yang bersesuaian untuk membantu guru Pendidikan Islam untuk mengajar bahasa Arab dengan lebih berkesan.
- d) Memberi panduan kepada pihak JAIS untuk menyediakan guru bahasa Arab yang berkualiti untuk SRA di seluruh Selangor.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif dengan satu set borang soal selidik disediakan untuk memperoleh data kajian. Kajian ini melibatkan kuantiti responden yang ramai dan bersesuaian menggunakan bentuk kajian kuantitatif bagi mendapatkan data. Menurut Tuckman (1978), instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Manakala Cates (1983) pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Menurut Ary dan Jacobs (1990), mereka berpendapat bahawa kebaikan menggunakan kaedah soal selidik adalah melibatkan responden yang ramai, lebih luas dan menyeluruh.

Kajian ini dilakukan di sekolah sekitar Hulu Langat, Selangor dengan melibatkan 33 buah sekolah kesemuanya. Kesemua sekolah yang terlibat adalah daripada Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian ini menjadikan guru Pendidikan Islam sebagai responden berikutan kebanyakan sekolah mengambil guru Pendidikan Islam untuk mengajar mata pelajaran bahasa Arab.

Bertepatan dengan kajian Ali Muda (2012), kerap berlaku guru yang dilatih di bawah opsyen Pendidikan Islam dihantar mengajar di sekolah yang memerlukan guru opsyen Bahasa Arab. Sebaliknya guru yang dilatih di bawah opsyen Bahasa Arab dihantar mengajar di sekolah yang tidak menawarkan mata pelajaran bahasa Arab, lalu ditugaskan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini berlaku kerana pihak pengurusan beranggapan bahawa ustaz dan ustazah boleh mengajar bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Guru pendidikan yang menjadi responden ini mempunyai pelbagai latar belakang dari aspek jantina, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik.

Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) tersebut, jumlah responden yang perlu diambil bagi populasi 220 orang adalah seramai 140 orang saiz sampel. Tetapi di dalam kajian ini, pengkaji telah melebihi dua orang saiz sampel dan telah menjadikan keseluruhan saiz sampel atau responden sebanyak 142 orang.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan berdasarkan objektif kajian. Jadual 1 menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab:

Jadual 1: Cabaran Daripada Aspek Guru Sendiri

Bil	Item	Kekerapan & peratus (N=142)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
CA1	Saya berasa pengajaran bahasa Arab adalah satu perkara yang mudah.	3 (2.1%)	16 (11.3%)	59 (41.5%)	52 (36.6%)	12 (8.5%)	3.380	0.873	ST
CA2	Saya mempunyai penguasaan bahasa Arab yang baik.	1 (0.7%)	19 (13.4%)	61 (43.0%)	54 (38.0%)	7 (4.9%)	3.331	0.796	ST
CA3	Saya mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pengajaran bahasa Arab.	2 (1.4%)	21 (14.8%)	44 (31.0%)	67 (47.2%)	8 (5.6%)	3.409	0.864	ST
CA4	Saya mempunyai asas bahasa Arab yang kukuh.	2 (1.4%)	24 (16.9%)	60 (42.3%)	47 (33.1%)	9 (6.3%)	3.261	0.860	ST
CA5	Saya mempunyai banyak kosa kata bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab.	2 (1.4%)	26 (18.3%)	63 (44.4%)	43 (30.3%)	8 (5.6%)	3.204	0.855	ST
CA6	Saya sentiasa melakukan persediaan dalam pengajaran bahasa Arab.	2 (1.4%)	6 (4.2%)	35 (24.6%)	88 (62.0%)	11 (7.7%)	3.704	0.732	ST
CA7	Saya memperuntukkan masa yang banyak dalam pengajaran bahasa Arab.	2 (1.4%)	8 (5.6%)	29 (20.4%)	87 (61.3%)	16 (11.3%)	3.754	0.783	ST
CA8	Saya melakukan ulangkaji terlebih dahulu sebelum pengajaran bahasa Arab.	2 (1.4%)	2 (1.4%)	7 (4.9%)	104 (73.2%)	27 (19.0%)	4.070	0.648	T
CA9	Saya berinteraksi dalam bahasa Arab ketika pengajaran B.Arab.	3 (2.1%)	16 (11.3%)	58 (40.8%)	53 (37.3%)	12 (8.5%)	3.387	0.874	ST
CA10	Saya tidak mempunyai halangan dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab.	1 (0.7%)	16 (11.3%)	37 (26.1%)	74 (52.1%)	14 (9.9%)	3.592	0.843	ST
CA11	Saya mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran bahasa Arab.	1 (0.7%)	9 (6.3%)	25 (17.6%)	92 (64.8%)	15 (10.6%)	3.782	0.745	ST
CA12	Saya memperbanyakkan kosa kata bahasa Arab selain yang terdapat di dalam buku teks bahasa Arab.	1 (0.7%)	12 (8.5%)	29 (20.4%)	88 (62.0%)	12 (8.5%)	3.690	0.774	ST
Min keseluruhan Cabaran Guru Sendiri							3.546	0.596	ST

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

Berdasarkan Jadual 1, purata min kesemua item berkenaan cabaran daripada aspek guru sendiri berada di antara 3.204 hingga 4.070. Item yang mencapai tahap tinggi iaitu min = 4.01 ke atas sebanyak 1 item dan selebihnya iaitu sebanyak 11 item berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.01 ke atas. Nilai min paling tinggi adalah pada item CA8 “Saya melakukan ulangkaji terlebih dahulu sebelum pengajaran bahasa Arab” dengan mencatat min = 4.070. Seramai 27 orang guru (19.0%) sangat setuju dan 104 orang guru (73.2%) setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 7 orang guru (4.9%) kurang bersetuju, 2 orang guru (1.4%) tidak bersetuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak bersetuju bahawa ulangkaji dilakukan terlebih dahulu sebelum mengajar.

Item kedua tertinggi dengan nilai min = 3.782 iaitu pada tahap sederhana tinggi adalah pada item CA11 “Saya mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran bahasa Arab”. Seramai 15 orang guru (10.6%) sangat setuju dan 92 orang guru (64.8%) setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 25 orang guru (17.6%) kurang setuju, 9 orang guru (6.3%) tidak setuju dan 1 orang guru (0.7%) sangat tidak setuju berkenaan pelbagai aktiviti yang dapat dilakukan dalam pengajaran bahasa Arab. Item ketiga tertinggi pula adalah CA7 “Saya memperuntukkan masa yang banyak dalam pengajaran bahasa Arab” dengan nilai min = 3.754. Item ini mencapai tahap sederhana tinggi berikutan seramai 16 orang guru (11.3%) sangat bersetuju dan 87 orang guru (61.3%) setuju memperuntukkan masa yang banyak bagi mengajar bahasa Arab. Sebaliknya pula seramai 29 orang guru (20.4%) kurang setuju, 8 orang guru (5.6%) tidak setuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak setuju memperuntukkan masa yang banyak.

Nilai min terendah pula iaitu min = 3.204 tercatat pada item CA5 “Saya mempunyai banyak kosa kata bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab” telah mencapai tahap sederhana tinggi. Seramai 8 orang guru (5.6%) sangat setuju dan 43 orang guru (30.0%) setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 63 orang guru (44.4%) kurang setuju, 26 orang guru (18.3%) tidak setuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak setuju bahawa mereka mempunyai banyak kosa kata dalam pengajaran bahasa Arab. Item CA4 “Saya mempunyai asas bahasa Arab yang kukuh” pula mencatat nilai skor min kedua terendah dengan min = 3.216. Seramai 9 orang guru (6.3%) sangat setuju dan 47 orang guru (33.1%) setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang kukuh berkenaan bahasa Arab. Manakala 60 orang guru (42.3%) kurang bersetuju, 24 orang guru (16.9%) tidak bersetuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Secara keseluruhan, cabaran daripada aspek guru bukan opsyen sendiri dalam mengajar bahasa Arab berada pada tahap sederhana tinggi dengan mencatat nilai skor (min=3.546, sp=0.596).

Secara amnya, guru pendidikan Islam mengakui pengajaran bahasa Arab merupakan cabaran besar bagi mereka terutama dari sudut penguasaan kosa kata dan tidak mempunyai asas bahasa Arab yang kukuh. Namun, kajian ini mendapati walaupun guru Pendidikan Islam ini mempunyai beberapa kelemahan dari sudut penguasaan bahasa Arab yang kukuh dan kekurangan kosa kata tetapi mereka sangat bermotivasi dan yakin melaksanakan tugas mengajar bahasa Arab yang diamanahkan.

8.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pelbagai isu dan masalah tentang pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di sekolah sering dibincangkan oleh ramai pihak terutamanya isu mengenai keupayaan dan peranan guru bahasa Arab di dalam bilik darjah. Kebijaksanaan guru mengurus pengajaran adalah penting di samping menggalas tanggungjawab yang besar untuk memastikan pengajaran bahasa Arab berjalan dalam keadaan yang dinamik dan aktif serta dapat memberi impak yang maksimum kepada para pelajar. Seharusnya kesemua ini memerlukan kepada perhatian dan kesungguhan daripada guru bahasa Arab walaupun mereka tidak mempunyai ikhtisas dalam bidang tersebut.

Berdasarkan kajian ini, terdapat dua (2) cabaran bagi guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab di samping cabaran-cabaran yang lain iaitu; **kurang penguasaan asas bahasa Arab dan keduanya kekurangan kosa kata bahasa Arab**. Menurut Baharuddin dan Shahman (2012), kebanyakan institusi agama di Malaysia hari ini menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dan bahasa pengantar di dalam kitaran hidup harian guru dan pelajar di sekolah. Namun, walaupun penggunaan bahasa ini diberi penekanan dan merupakan bahasa utama dan bahasa pengantar, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru dan murid didapati semakin merosot.

Dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab, penguasaan bahasa Arab yang baik dapat diperolehi sekiranya semangat, pengetahuan dan pengalaman orang lain diletakkan sebagai panduan untuk lebih aktif dan sentiasa dahagakan pengetahuan, bukan insan yang pasif yang berminda kosong dan sentiasa mengharapkan sesuatu dari luar untuk mengisi kekosongan itu sepertimana menurut Wan Zah Wan Ali (1998) mengenai ciri-ciri guru yang berkesan.

Sepatutnya, kedua-dua cabaran utama yang terpaksa mereka hadapi ketika mengajar bahasa Arab perlu diatasi kerana pengajaran bahasa Arab bukan sahaja dipikul oleh guru opsyen bahasa Arab malah turut dimainkan oleh guru Pendidikan Islam. Sepertimana yang dinyatakan oleh Rosni Samah (2009), penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik penting untuk mendalami ilmu-ilmu Islam. Tanpa bahasa Arab yang baik ulama-ulama tidak akan dapat memahami ilmu Islam secara mendalam. Dengan adanya penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik juga, ulama-ulama (guru Pendidikan Islam) dapat pula menyampaikan ilmu-ilmu Islam dengan lebih berkesan.

Oleh itu, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan menambahkan kosa kata bahasa Arab adalah dengan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Guru Pendidikan Islam sendiri perlu mengatasi cabaran-cabaran tersebut supaya keupayaan menguasai bahasa Arab dapat diperkasakan bagi melahirkan generasi guru Pendidikan Islam yang berwibawa yang dapat berinteraksi dalam arus perdana pendidikan dan pasaran kerja. Mereka juga perlu meneroka tentang kemahiran-kemahiran pengajaran bahasa Arab seperti penerangan yang dibuat oleh guru mesti jelas dan selaras dengan keperluan pelajar. Sementara bahasa yang guru gunakan hendaklah mudah difahami dan guru juga perlu bijak dalam menggunakan nada dan intonasi suara supaya pelajar dapat mendengar dengan jelas lalu memfokuskan perhatian kepada pelajaran yang guru sampaikan. Azizah Lebai Nordin (1999) menegaskan kreativiti seseorang guru adalah penting untuk menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menarik dan hidup kerana cara pengajaran guru yang rutin atau sama setiap hari akan membosankan pelajar. Manakala Rosni Samah (2009) turut menyatakan tidak setuju cara pendekatan terjemahan yang sering digunakan oleh kebanyakan guru bahasa Arab kerana ia tidak membantu pelajar untuk aktif serta berinteraksi di dalam kelas. Ini lebih menyumbang kepada bersikap pasif.

Tahap penguasaan yang rendah terhadap kosa kata bahasa Arab serta kemahiran-kemahiran bahasa yang menjadi cabaran utama guru Pendidikan Islam juga dapat diatasi sekiranya guru mempunyai minat dan iltizam yang tinggi dan mantap untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Dengan sifat ini, guru-guru tanpa dipaksa akan terus belajar, mencari, menerokai, mendalami dan mengajar ilmu dengan lebih berkesan (IKIM : t.t). Di samping itu, dengan adanya usaha yang berterusan segala kelemahan yang dialami tersebut dapat diatasi dan dapatlah guru membina keyakinan diri dalam pengajaran bahasa Arab. Sememangnya, kosa kata merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab. Bahasa yang baik bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Mengikut pendapat Rosni Samah (2009), proses pembelajaran bahasa Arab pada hari ini kurang berjaya disebabkan kurang menguasai kosa kata. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, pendedahan kosa kata hendaklah diutamakan.

Antara cadangan-cadangan yang dapat membantu guru Pendidikan Islam yang tidak mempunyai ikhtisas atau opsyen dalam bidang bahasa Arab, sedangkan mereka perlu mengajar subjek bahasa Arab ialah :

- a) Guru perlu mempunyai inisiatif diri yang tinggi untuk mendalami ilmu asas bahasa Arab seperti menghadiri kelas-kelas tuisyen bagi menguasai ilmu bahasa Arab dengan lebih baik.
- b) Guru perlu mempunyai kesedaran dan tindakan yang proaktif kerana ia bukan sahaja dapat memenuhi aspirasi mencapai kecemerlangan diri atau pembangunan potensi guru bahkan turut memberi faedah yang besar kepada para pelajar.
- c) Guru seharusnya menguasai pengetahuan isi kandungan agar dapat menyampaikan maklumat yang bererti.
- d) Guru perlu rajin membaca untuk melengkapkan diri dengan maklumat serta perkembangan terbaru dalam pelbagai pengetahuan untuk membolehkannya lebih cekap dan berwibawa untuk mengatasi dan menangani tuntutan perubahan dalam dunia pendidikan.
- e) Guru perlu menghadiri seminar-seminar dan bengkel yang berkaitan untuk meningkatkan kepakarannya.
- f) Guru perlu peka dengan pengetahuan-pengetahuan am yang boleh membantunya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan di sekolah seperti menghubungkan antara perkataan-perkataan yang diungkapkan oleh guru dengan makna sebenar (objek dan benda-benda hidup).
- g) Guru perlu peka terhadap minat, kebolehan serta keperluan pelajarannya di samping suasana sosioemosi serta set mental pelajar di dalam kelas.
- h) Guru hanya perlu memperdengarkan perkataan-perkataan yang diajar secara berulang kali dan secara terus tanpa melalui aktiviti terjemahan kerana kanak-kanak sekolah belajar secara terus dan sedikit demi sedikit mampu mengungkapkannya beberapa perkataan.

- i) Guru perlu mendapatkan pendedahan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing kerana kaedah pengajaran bahasa Arab agak berbeza dengan kaedah pengajaran subjek lain.
- j) Guru perlu mengelak diri daripada berada di dalam 'zon selesa' iaitu berasa cukup dengan ilmu yang ada atau hanya bergantung kepada buku teks semata-mata sedangkan mereka masih perlu mempelajari selok belok pengajaran bahasa Arab yang sebenar.
- k) Latihan dalam perkhidmatan perlu disediakan bagi memantapkan pengajaran bahasa Arab.

9.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan Islam masih mempunyai beberapa kelemahan dan kekurangan dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab. Guru-guru ini masih perlu melakukan penambahbaikan dari sudut kualiti diri sendiri dan kaedah pengajaran bahasa tersebut. Oleh yang demikian, bantuan perlu diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab kerana dapatan menunjukkan guru-guru menghadapi cabaran dan masalah ketika mengajar bahasa Arab. Selain daripada inisiatif diri daripada guru-guru sendiri, masalah yang berlaku ini juga memerlukan inisiatif daripada pentadbiran sekolah serta pihak-pihak yang terlibat dalam menyelesaikan masalah tersebut disamping memberi penekanan kepada usaha mewujudkan suasana pembelajaran "*biah arabiah*" di semua sekolah serta memberi bantuan kepada guru tersebut dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab.

10.0 RUJUKAN

- Ali Muda (2012), Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Prosiding Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)
- Azizah Lebai Man (1999), Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. Masalah Pendidikan. Jilid 22. Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
- Baharuddin, Shahman. 2012. *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Masters Thesis, Universiti Malaya.
- Isjoni, M.Si. (2005). Citra Guru antara Tuntutan dan Pengabdian. Pekan Baru.
- Ibrahim Mamat (1998), Kepimpinan Sekolah : Teori Untuk Praktis. Kuala Lumpur : Percetakan Season Sdn. Bhd.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 596-608
- Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod (2014), Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu Dan Berpengalaman Bukan Opsyen, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1)(2014): 37-49
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nazri Atoh et. al. (2014), Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Semidar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, UKM
- Rosni Samah (2009), Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. USIM
- Wan Zah Wan Ali. 1998. *Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Di Abad Ke 21 : Satu Perbincangan*. Masalah pendidikan Jilid 21, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zawawi Ismai et. al. (2011), Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia, *Gema Online™ Journal Of Language Studies, Volume 11(2) May 2011* ISSN: 1675-8021.